



KERAJAAN boleh melanjutkan tempoh pengecualian duti setem bagi pembelian hartanah kediaman di bawah Kempen Pemilikan Rumah Negara (HOC) tanpa mengehendkan harga hartanah. - GAMBAR HIASAN

Perlu bantu golongan muda M40

■ KUALA LUMPUR 7 OKT.

ERNST & YOUNG TAX CONSULTANTS SDN. BHD. menggesa kerajaan untuk menyediakan lebih banyak bantuan perumahan kepada golongan muda isi rumah kumpulan sederhana (M40), berikutan mereka dapat memberikan rangsangan tambahan kepada pasaran hartanah.

Pakar cukai itu berkata, kerajaan boleh melanjutkan tempoh pengecualian duti setem bagi pembelian hartanah kediaman di bawah Kempen Pemilikan Rumah Negara (HOC) tanpa mengehendkan harga hartanah.

"Keduanya, kerajaan boleh memperkenalkan semula pelepasan peribadi terhadap faedah pinjaman perumahan bagi tempoh tiga tahun berturut-turut ber-

mula tahun penilaian 2020 untuk menggalakkan generasi muda memiliki rumah di Malaysia.

"Perkara ketiga pula, ia boleh menawarkan pengurangan cukai berganda terhadap faedah pinjaman perumahan dengan disubsidi oleh majikan untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta dan meningkatkan permintaan hartanah," kata entiti korporat tempatan bagi organisasi EY global itu dalam kenyataan hari ini.

Di samping rangsangan fiskal, Ernst & Young berkata, kerajaan juga perlu menimbangkan intervensi pasaran bagi isu luar jangka seperti bekalan berlebihan dan harga terlalu tinggi hartanah kediaman.

Bagi sektor komersial, katanya, kerajaan perlu meneruskan usaha meningkatkan in-

frastruktur dan kemudahan sokongan di kawasan pinggir bandaraya sebagai pemudahcara untuk pemusatan hartanah komersial bagi pembangunan perbandaran seimbang.

Bagaimanapun, pengenalan peraturan pemotongan pendapatan (ESR) pada 1 Julai tahun ini telah mengehendkan kadar potongan faedah perbelanjaan terhadap pendapatan perniagaan sewaan yang mungkin menjejaskan kemasukan pelaburan asing yang berkaitan ke Malaysia.

Secara spesifiknya, katanya ESR mungkin memberikan kesan buruk ke atas pelaburan asing berkaitan sekuriti disokong aset, pembiayaan Islam dan urusan komersial lain oleh warga asing dalam sektor hartanah. -BERNAMA